



Gengsterism Activity Among Secondary School Students in Johor

Rozeman Rodin Ahmad, Zainudin Hassan and
Julius Voo Jiunn Jye

EasyChair preprints are intended for rapid dissemination of research results and are integrated with the rest of EasyChair.

October 22, 2019

KEGIATAN GENGSTERISME DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH NEGERI JOHOR

Rozeman Rodin Ahmad, Zainudin Hassan & Julius Voo Jiunn Jye

Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Teknologi Malaysia

rozeman87@gmail.com , p-zainudin@utm.my , juliusvoo@gmail.com

ABSTRAK

Kegiatan gengsterisme merupakan salah satu tingkah laku atau perlakuan agresif yang boleh merosakkan, memudaratkan, menyakitkan, atau mencederakan individu lain selain daripada melanggar peraturan undang-undang negara. Kajian lepas telah menunjukkan bahawa jumlah kejadian jenayah yang dilakukan oleh pelajar sekolah menengah di Malaysia semakin meningkat terutama dalam kes rogol, seks bebas, kumpulan samseng, buli dan bunuh sehingga menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat di seluruh negara. Justeru itu, kertas kajian ini mengenal pasti punca yang berlaku dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan apakah langkah yang perlu diambil bagi menangani masalah kegiatan gengsterisme daripada terus berleluasa dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menangani kegiatan gengsterisme dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Negeri Johor. Objektif kajian ini ialah (i) menghuraikan statistik kegiatan gengsterisme di negeri Johor, (ii) mengenal pasti faktor-faktor mempengaruhi pelajar yang terlibat dalam gengsterisme di sekolah menengah dan (iii) mengenal pasti kegiatan gengsterisme dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Kata Kunci: *Gengsterisme, samseng, buli*

1.0. Pengenalan

Pengstrukturian sosial dan pembangunan pesat mendorong evolusi gengsterisme di Malaysia daripada era 1970-an hingga alaf 2000 memperlihatkan perubahan-perubahan dalam kalangan kongsi gelap Cina, India Dan Melayu. Dalam buku ‘Gengsterisme’ di Malaysia terbitan oleh Polis Diraja Malaysia menyatakan sejarah kewujudan gengsterisme adalah bermula pada “*Triad Society*” di Negara China pada tahun 1734. Tujuan rakyat China ke negara Malaysia adalah disebabkan peluang pekerjaan yang ada dalam sektor perladangan dan lombong bijih timah. Kewujudan kumpulan kongsi gelap adalah disebabkan kutipan wang perlindungan daripada tempat maksiat, panggung wayang, kedai-kedai dan tempat perjudian yang wujud memberi pendapatan yang lumayan.

Kegiatan gengsterisme pada masa kini dapat dilihat daripada perlakuan yang ditunjukkan oleh ahli kumpulan gengsterisme. Definisi perlakuan gengsterisme adalah apa-apa bentuk perlakuan yang mempunyai matlamat untuk merosakkan, memudaratkan, menyakitkan atau mencederakan individu lain, selain melanggar peraturan undang-undang (Baron dan Byrne, 1981, Fathilah et al, 2016). Perlakuan ini akan memberi gangguan kepada persekitaran awam dan kawasan persekolahan yang menjadi tumpuan untuk ahli baru.

Menurut Fathilah et al, (2016), gangsterisme di sekolah bererti kewujudan kumpulan gangster yang melibatkan para pelajar sekolah sama ada ahli aktif atau penyokong sesuatu kumpulan dalam melakukan salah laku atau pelanggaran disiplin dan undang-undang. Oleh itu, sistem pengurusan sekolah membantu menghasilkan program yang berkualiti dan sistematik kepada pelajar. Peringkat sekolah menengah merupakan golongan remaja yang aktif dalam aktiviti pergaulan di antara mereka. Di mana perubahan pelajar memberi kebimbangan dalam penglibatan kegiatan gengsterisme di peringkat sekolah menengah.

Golongan pelajar ini berada dalam lingkungan umur 13 sehingga 19 tahun yang mana kumpulan ini berada dalam fasa remaja bagi peringkat sekolah menengah (Mohamad Khairi et al, 2017). Terdapat pelbagai perubahan berlaku kepada pelajar dalam fasa ini iaitu aspek fizikal, sosial, emosi dan mental. Terdapat perubahan yang ketara dari segi fizikal manakala dari sudut pemikiran mereka akan menjadi lebih matang dan menyeluruh.

2.0 Objektif Dan Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk melihat objektif berikut iaitu (i) menghuraikan statistik kegiatan gengsterisme di negeri Johor, (ii) mengenal pasti faktor-faktor mempengaruhi pelajar yang terlibat dalam gengsterisme di sekolah menengah dan (iii) mengenal pasti kegiatan gengsterisme dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Persoalan kajian pula menyentuh kepada bagaimana menguraikan statistik kegiatan gengsterisme di negeri Johor, apakah faktor-faktor mempengaruhi pelajar yang terlibat dalam gengsterisme di sekolah menengah dan apakah kegiatan gengsterisme dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

3.0 Kegiatan Gengsterisme

Kegiatan gengsterisme pada masa kini dapat dilihat daripada perlakuan yang terjadi dalam kehidupan sosial sesebuah masyarakat. Sesuatu aktiviti yang mempunyai empat ahli kumpulan ke atas adalah dikenali sebagai gengsterisme. Menurut Anuar (2007) menyatakan penularan kegiatan gengsterisme di peringkat sekolah dalam kalangan pelajar dapat dikesan melalui aktiviti-aktiviti pemerasaan, ugutan, kekacauan dan pergaduhan secara berkumpulan. Menurutnya lagi, pelbagai faktor mempengaruhi pelajar masa kini sehingga melibatkan masalah kecelaruan dalam diri sendiri, pengaruh teknologi maklumat, pengaruh persekitaran pelajar dan pengurusan sekolah yang kurang berkesan.

3.1 Statistik Kegiatan Gengsterisme Di Negeri Johor

Jadual di bawah menunjukkan kegiatan gengsterisme yang berlaku di beberapa buah sekolah di kawasan negeri Johor.

Jadual 1 menunjukkan kegiatan kumpulan gengsterisme yang disertai oleh pelajar sekolah dari tahun 2015 hingga bulan Mac 2019. Jadual telah menunjukkan bilangan kes tertinggi dilakukan adalah Geng J iaitu sebanyak 14 kes manakala bilangan kes terendah adalah Geng M dan D iaitu 2 kes sahaja. Jumlah kategori terendah mempunyai dua kumpulan iaitu Geng M dan Geng D sebanyak 2 kes bagi kategori masing-masing. Jumlah kes yang telah dikumpul bagi geng-geng tersebut dalam lima tahun adalah sebanyak 54 kes.

Jadual 1: Senarai Kumpulan Gengsterisme Yang Disertai Oleh Pelajar Sekolah di negeri Johor Tahun 2015 Hingga 2019 (Jan-Mac)

Nama Kumpulan	Tahun					Jumlah
	2015	2016	2017	2018	2019	
GENG A						0
GENG B						0
GENG C						0
GENG D				2		2
GENG E						0
GENG F						0
GENG G						0
GENG H	4	7	9	5		25
GENG I						0
GENG J	7				7	14
GENG K						0
GENG L		3				3
GENG M			2			2
GENG N	3				5	8
JUMLAH	14	10	11	7	12	54

Jadual 2 menunjukkan pecahan tangkapan mengikut bangsa, umur pelajar sekolah dalam penglibatan kegiatan gengsterisme bagi tahun 2015 hingga bulan Mac 2019. Jadual telah menunjukkan pecahan bangsa tertinggi adalah bangsa Cina iaitu 48 orang manakala bangsa Melayu dan India hanya 3 orang sahaja dalam lima tahun tersebut. Bangsa Melayu dan India masing-masing mempunyai seramai 3 orang pelajar terlibat dalam kegiatan gengsterisme. Selain itu, jadual juga menunjukkan data mengikut pecahan umur (tahun). Jadual menunjukkan pecahan umur (tahun) tertinggi dalam penglibatan kegiatan gengsterisme yang terkumpul adalah 13 hingga 15 tahun iaitu sebanyak 40 kes bagi lima tahun berkenaan berbanding dengan umur 16 hingga 18 tahun iaitu 14 kes sahaja.

Jadual 2: Pecahan Tangkapan Mengikut Bangsa / Umur Pelajar Sekolah Dalam Penglibatan Kegiatan Gengsterisme Tahun 2015 Hingga 2019 (Jan-Mac)

TAHUN		2015	2016	2017	2018	2019	Jumlah
PECAHAN BANGSA	MELAYU		3				3
	CINA	14	7	11	5	11	48
	INDIA				2	1	3
	LAIN-LAIN						0
JUMLAH		14	10	11	7	12	54
PECAHAN UMUR (TAHUN)	7 - 10 TAHUN						0
	10 - 12 TAHUN						0
	13 - 15 TAHUN	12	7	7	6	8	40
	16 - 18 TAHUN	2	3	4	1	4	14
JUMLAH		14	10	11	7	12	54

Jadual 3 di negeri Johor menunjukkan statistik kes melibatkan pelajar sekolah dalam kegiatan gengsterisme bagi tahun 2015 hingga bulan Mac 2019. Jadual telah menunjukkan kes di bawah seksyen 506 kanun keseksaan iaitu bagi kesalahan menakutkan secara jenayah kepada pelajar lain adalah paling tinggi iaitu sebanyak 5 kes. Statistik ini menunjukkan sebanyak 16 kesalahan yang terkumpul dalam seksyen kanun keseksaan dalam lima tahun tersebut.

Jadual 3: Statistik Kes Melibatkan Penglibatan Pelajar Sekolah Dalam Kegiatan Gengsterisme di Negeri Johor Tahun 2015 Hingga 2019 (Jan-Mac)

SEKSYEN KESALAHAN	Tahun					Jumlah
	2015	2016	2017	2018	2019	
323 KK	2					2
324 KK					1	1
325 KK						0
326 KK						0
506 KK	1			2	2	5
507 KK						0
147 KK	1	1	1			3
148 KK	1	1	1			3
337 KK			2			2
JUMLAH	5	2	4	2	3	16

Jadual 4 menunjukkan senarai Seksyen Kesalahan di bawah “Kanun Keseksaan – Akta 574” yang digunakan dalam kegiatan gengsterisme bagi pelajar dalam salah laku di peringkat sekolah menengah. Jenis kes yang banyak diperolehi dalam lima tahun berkenaan adalah dibawah seksyen 506 kanun keseksaan iaitu seksaan bagi kesalahan menakutkan secara jenayah. Kelakuan ini sering berlaku kepada pelajar lain di kawasan sekolah menengah.

Jadual 4. Seksyen Kesalahan (Kanun Keseksaan – Akta 574)

Seksyen	Jenis Kesalahan
147 KK	– Seksaan kerana merusuh
148 KK	– Memiliki senjata-senjata maut dalam rusuhan
323 KK	– Seksaan kerana dengan sengaja menyebabkan cedera.
324 KK	– Dengan sengaja menyebabkan cedera dengan jalan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang merbahaya Kecuali hal diperuntukkan – Dengan sengaja menyebabkan cedera atas bangkitan marah
325 KK	– Seksaan kerana dengan sengaja menyebabkan cedera parah Kecuali hal diperuntukkan – Menyebabkan cedera parah atas bangkitan-marah
326 KK	– Dengan sengaja menyebabkan cedera parah dengan jalan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang merbahaya Kecuali hal diperuntukkan – Menyebabkan cedera parah atas bangkitan-marah
337 KK	– Menyebabkan cedera dengan perbuatan yang membahayakan nyawa atau keselamatan diri orang lain.
506 KK	– Seksaan bagi kesalahan menakutkan secara jenayah
507 KK	– Kesalahan menakutkan secara jenayah dengan jalan perhubungan sembunyi nama

3.2 Faktor-Faktor Kegiatan Gengsterisme Di Sekolah Menengah

Perlakuan gengsterisme ialah tingkah laku yang kompleks. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi seseorang pelajar melakukan kegiatan gengsterisme ialah faktor individu, rakan sebaya, keluarga dan persekitaran. Selain itu, kajian-kajian lepas mendapati bahawa faktor-faktor percampuran individu, sosial, risiko persekitaran dan perlindungan berinteraksi menentukan etiologi kegiatan gengsterisme (Espelage, Bosworth dan Simon, 2000; Verlinden, Herson dan Thomas, 2000).

3.2.1. Faktor Individu

Menurut Farington (1993); Fathilah et al (2016), perlakuan gengsterisme ialah remaja menimbulkan kesan negatif dalam dirinya apabila berada pada tahap ketidakselarasan. Keadaan ini akan menimbulkan konflik dalam diri mereka apabila gagal membuat penyesuaian yang baik. Perubahan usia pelajar dari zaman awal remaja merupakan zaman peralihan alam kanak-kanak ke alam dewasa, yang mana ia melibatkan perubahan fizikal dan fisiologi. Jika kanak-kanak ini gagal dalam penyesuaian diri dengan perubahan yang melibatkan alam remaja, maka pelbagai masalah kekosongan jiwa serta tingkah laku penyelewengan akan berlaku seperti gengsterisme. Menurut Empey (1997); Fathilah et al (2016) menyatakan bahawa dalam zaman remaja akan mengalami gangguan emosi seperti kebimbangan. Jika gagal dalam penyesuaian diri dengan baik, maka mereka akan menunjukkan tingkah laku antisosial. Pelajar di peringkat sekolah menengah mempunyai kecenderungan bersikap memberontak, mementingkan diri sendiri, tidak jujur, mengeksploitasi atau tamak. Perubahan ini memerlukan perhatian dan didikan yang mencukupi untuk mengatasi tingkah laku agresif terhadap pelajar.

3.2.2. Faktor Rakan Sebaya

Perhubungan rakan sebaya bererti golongan yang sama umur atau sama paras kematangan kepada remaja bagi peringkat sekolah menengah. Golongan ini juga penting dalam kehidupan seseorang pada peringkat remaja kerana rakan sebaya mempunyai pengaruh yang kuat dalam membentuk sahsiah dan peribadi remaja tersebut. Penglibatan rakan sebaya sebagai pemerhati secara tidak langsung mendorong dalam kegiatan gangsterisme untuk memperolehi kuasa, populariti dan status. Dalam situasi gangsterisme, remaja ingin dirinya diterima oleh rakan-rakan. Setiap pelajar sanggup melakukan apa sahaja agar diterima oleh ahli kumpulannya. Justeru itu, setiap pelajar yang berasal daripada keluarga yang bermasalah atau senasib dengannya lazimnya lebih mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya dan membentuk kumpulan sendiri. Kumpulan ini mudah terpengaruh dengan anasir jahat dan mereka mungkin turut melakukan perkara yang sama supaya diterima oleh kumpulannya seperti gaya berpakaian, pertuturan, sikap dan lain-lain. Dari segi emosi, mereka lebih bergantung kepada rakan sebaya. Segala tindakan yang dilakukan oleh pelajar akan cepat disanjung dan mereka mengharapkan juga sebahagian pujian dan penghargaan tersebut daripada ibu bapa mereka sendiri. Selain

daripada ibu bapa, rakan sebaya juga merupakan tulang belakang bagi remaja dalam pembentukan personaliti, tingkah laku kognitif dan lain-lain (Fathilah et al, 2016).

3.2.3. Faktor Keluarga

Penjagaan di bawah pemerhatian keluarga adalah insan yang paling dekat dalam hidup seseorang pelajar. Perhubungan di antara ibu bapa pelajar sepatutnya akan membentuk ciri perlakuan yang baik. Malangnya, anak-anak yang berisiko agresif akan terbentuk atas kecenderungan ibu bapa yang sering bergaduh. Oleh sebab itu, latar belakang sesebuah keluarga itu penting dalam membentuk ciri perlakuan gengsterisme. Umumnya, remaja yang lazimnya didedahkan dengan kekerasan oleh ibu bapa, penjaga dan guru akan menggalakkan perlakuan gengsterisme di kalangan pelajar dengan secara tidak langsung. Selain itu, pelajar pada usia ini mempunyai sifat pemarah dan lebih agresif berbanding dengan pelajar lain yang sebaya ekoran daripada sikap ibu bapa yang suka mendera sama ada secara lisan mahupun fizikal dalam mengajar anak-anak mereka.

3.2.4. Faktor Persekitaran

Persekitaran boleh menghasilkan tindak balas negatif, ketakutan, atau kebimbangan dalam sekolah tetapi sesetengah pelajar sekolah mungkin merasa benci dan mempunyai perasaan negatif terhadap kawalan dan pengawasan itu sendiri. Dari segi pandangan pelajar, mereka akan berpendapat bahawa keselamatan tidak terjamin dan wujudnya gangguan (Addington, 2009; Sipe, 2012). Secara perspektif, pihak sekolah memainkan peranan mereka dalam pemantauan pelajar tetapi mereka menganggapkan diri dalam kawasan kawalan atau penjara (Barnert et al., 2015; Lea Abrams, 2015; Toldson, 2012). Persekitaran pada pelajar adalah faktor utama yang mengganggu emosi mereka akibat daripada kegagalan membuat penyesuaian semasa berlakunya pertembungan dengan situasi baru. Keyakinan dalam keperluan diri seorang pelajar dapat membantu menyesuaikan diri dengan baik.

3.3. Mengenalpasti Kegiatan Gengsterisme Dalam Kalangan Pelajar

Penyertaan pelajar dalam kumpulan keanggotaan adalah untuk merasa mempunyai kumpulan, penerimaan daripada rakan sebaya, memerangi harga diri yang rendah dan interaksi negatif secara sosial kerana mereka tidak mempunyai model dalam peranan dewasa (Barnert et

al., 2015, Graham Erwin, 2011; Yoder, Whitbeck, Hoyt, 2003). Perbuatan dalam interaksi sosial yang negatif secara langsung dilakukan adalah menilai tingkah laku agresif daripada menghargai persahabatan dan perlindungan (Craig et al, 2002).

Penampilan pelajar di sekolah memberi gambaran terhadap tingkah laku yang wujud pada dasar perbuatan salah, kerosakan akhlak dan kecuaiian dalam menjalankan kewajipan. Kajian ini merujuk kepada salah laku yang menyimpang daripada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyenaraikan 53 jenis perlakuan yang dianggap sebagai bermasalah, antaranya ialah perlakuan jenayah, lucah, kekemasan diri, kurang sopan, ponteng dan lain-lain.

Badrul Zaman (2006) menyatakan konteks sekolah mempunyai tiga kategori kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar sekolah iaitu kesalahan ringan, sederhana dan berat. Konteks pertama dikelaskan dalam kesalahan ringan terhadap personaliti pelajar yang tidak kemas, datang lewat ke sekolah, keluar kelas tanpa membawa kad kebenaran, bermain dalam kelas, menggunakan peralatan sekolah tanpa kebenaran dan kesalahan yang bersabit dengan pengajaran dan pembelajaran. Konteks kedua mengenai kesalahan sederhana seperti pelajar keluar dari kawasan sekolah tanpa kebenaran, meniru semasa peperiksaan, ponteng acara rasmi sekolah, tidak menghormati lagu-lagu, bendera, negeri dan kebangsaan, fesyen rambut yang keterlaluan seperti *punk/skinhead* atau berwarna serta menconteng harta benda sekolah. Konteks ketiga adalah kesalahan berat dilakukan pelajar yang terlibat dengan kegiatan gengsterisme, dadah, menghisap atau membawa rokok, terlibat dengan minuman keras, melawan guru dan pengawas, vandalisme, bergaduh, peras ugut, membawa senjata berbahaya, membuli, merompak, perjudian dan melakukan maksiat seperti zina.

4.0 Laporan Dan Perbincangan

Laporan menunjukkan majoriti pelajar yang terlibat dalam aktiviti secara aktif bagi semua kumpulan dan pecahan serta umur dalam kalangan pelajar sekolah. Perbandingan antara kategori kumpulan menunjukkan jumlah kes yang tertinggi adalah kumpulan Geng H. Kegiatan kumpulan ini menunjukkan perkembangan pelajar dalam menyokong aktiviti yang dilakukan oleh kumpulan tersebut. Geng J pula mungkin menghadapi permasalahan dalam kumpulannya

yang mana data menunjukkan aktiviti yang kurang dalam tempoh tahun 2016 ke 2018. Walau bagaimanapun, geng ini aktif semula pada tahun 2019.

Jadual 2 menunjukkan pecahan bangsa dan umur pelajar. Laporan menunjukkan bangsa Cina mempunyai jumlah yang lebih tinggi daripada bangsa Melayu dan bangsa India untuk lima tahun tersebut. Bagi kategori ini, jumlah pecahan bangsa Cina pada tahun 2019 menunjukkan sebanyak 11 pelajar yang terlibat dalam kegiatan gengsterisme. Dengan itu, pecahan bangsa Cina mempunyai pengaruh yang tinggi dalam menjalankan aktiviti gengsterisme di sekolah menengah.

Bagi jadual 2 pecahan umur pelajar, kategori yang lebih tinggi ialah pada umur 13 hingga 15 tahun. Pecahan ini menunjukkan perbezaan pada tahun 2015 iaitu seramai 12 orang pelajar dan penurunan kes berlaku pada tahun 2019 sebanyak 8 orang pelajar yang terlibat dalam kegiatan gengsterisme. Perbezaan pecahan umur bagi 16 hingga 18 tahun menunjukkan peningkatan penglibatan pelajar pada tahun 2019 iaitu sebanyak 4 orang pelajar berbanding tahun 2018 hanya seorang pelajar. Pecahan tangkapan mengikut bangsa dan umur pelajar sekolah dalam penglibatan gengsterisme menunjukkan sebanyak 54 pelajar yang terlibat dalam lima tahun tersebut.

Laporan ini juga dapat dilihat dari statistik kes penglibatan pelajar sekolah dalam kegiatan gengsterisme di bawah seksyen kesalahan yang mereka lakukan. Jadual 3 menyatakan kesalahan tertinggi berlaku pada tahun 2015 iaitu sebanyak 5 kesalahan di bawah seksyen kanun keseksaan berbanding dengan 2 tahun yang mempunyai statistik terendah iaitu pada tahun 2016 dan 2018 di mana masing-masing sebanyak dua kesalahan yang berlaku. Penglibatan ini menunjukkan kes yang tertinggi dilakukan adalah dibawah seksyen 506 kanun keseksaan yang dinyatakan sebagai seksaan bagi kesalahan menakutkan secara jenayah kepada pelajar. Tahun 2019 telah berlaku satu kes di bawah seksyen 324 kanun keseksaan yang dinyatakan dengan sengaja menyebabkan cedera dengan jalan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang merbahaya. Selain itu, kenyataan di bawah seksyen ini juga menyatakan kecuali hal diperuntukkan dengan sengaja menyebabkan cedera atas bangkitan marah. Situasi ini

menunjukkan satu paksaan yang dilakukan oleh ahli kumpulan untuk mendapatkan sokongan atau menyertai kumpulan dengan niat yang menyakitkan.

Persamaan kumpulan dalam kegiatan gengsterisme adalah pemilihan keupayaan tinggi dengan mempamerkan kualiti kumpulan. Ia memberi petanda kepada pelajar bahawa komitmen untuk memulakan dan menyempurnakan tugas mereka. Perbincangan perlu dibuat bagi mengenali pengaruh kegiatan gengsterisme dalam kategori ini. Selain itu, pelaksanaan dalam pengurusan aktiviti gengsterisme juga perlu diberi penekanan seperti pelajar yang menolak penyertaan golongan gengsterisme juga perlu dibincangkan. Kesemua kumpulan mempunyai matlamat dalam memiliki kedudukan yang tertinggi terhadap pelajar.

5.0 Kesimpulan

Kegiatan gengsterisme sekolah menengah dipengaruhi oleh banyak faktor penggerak. Penggerak utama adalah pelajar dalam kawasan sekolah yang seharusnya menggunakan cara pemikiran untuk mencapai matlamat. Perhubungan di antara pelajar adalah aset utama di sekolah dan harus dimanipulasikan supaya dapat menghalang kegiatan berkumpulan dari berterusan dalam melakukan kesalahan di peringkat umur pelajar. Selain itu, pemerhatian yang dibuat oleh ahli lain dalam pengambilan dan merekrut pelajar harus mengambil kira hubungan ini sebagai satu ciri strategik dan kestabilan emosi seharusnya dimiliki oleh mereka.

Kajian yang dijalankan ke atas pelajar sekolah menengah sebagai sampel kajian menunjukkan terdapat keseimbangan dalam penglibatan kumpulan geng di mana prestasi Geng H dan Geng J berada di tahap lebih tinggi tetapi Geng D serta Geng M berada pada tahap paling rendah. Penilaian tentang kegiatan gengsterisme dapat membantu program pencegahan gengsterisme dengan melaksanakan seminar, kaunseling dan kursus yang dapat meningkatkan kualiti pelajar dalam sekolah sebagai persediaan pelajar untuk mengatasi berlakunya kegiatan gengsterisme. Walau bagaimanapun, pihak sekolah harus memberi perhatian dalam keselamatan dan pengawalan yang baik kepada para pelajar daripada terjerumus ke dalam kegiatan gengsterisme.

Rujukan

- Ward J.S.M & W.G (1925). *The Society of Heaven and Earth Vol.1 The Baskerville Press Limited.* London
- Thrasher F.M (1927) *The Gang. A study of 1313. Gang in Chicago.* University of Chicago Press, Chicago
- Leon Comber (1959). *Chinese Secret Society in Malaya.* NY JJ Augustine Inc.
- Leon Comber (1961). *The Traditional Mysteries of Chinese Secret Societies in Malaya.* Published by Donald Moore for Eastern University Press Ltd. Singapore.
- Wilferd Blythe (1969). *The Impact Of Chinese Secret Societies In Malaysia.* Oxford University Press. London
- B Wilfred (1969). *The Impact of Chinese Societies in Malaya.* Overseas United Press. United Kingdom
- Morgan W.P. (1989). *Triad Societies in Hong Kong.* United Kingdom Press, Hong Kong.
- Sampson, R..J. and Laub J.H (1990). *Crime and Deviance. Over the life course The salience of adult social bond.* *American Sociological Review*, 55(10): 609-627.
- Thornberry. T.P at al. (1993) *The Role of Juvenile Gang in Facilitating Delinquent Behaviour,* *Journal Research in Crime and Delinquency* - 30.55,87.
- Chin, Ko-Lin (1996) *Chinatown Gang: Extortion, Enterprise and Ethnicity.* New York: Oxford University Press.
- Esbenson, F. -A., & Winfree, L. T. (1998). *Race and Gender differences between gang and nongang youths: Results from a multisite curvey.* *Justice Quarterly*, 15, 505-525
- Dr. Amir Mohd Salleh. (1999). *Kajian Gengsterisme. Di Sekolah Menengah Harian,* Kementerian Pendidikan Malaysia: Unit Penyelidikan Dasar Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidik.
- Craig, W.M., Vitaro, F., Gagnon, C., And Tremblay, R. E (2002). *The road to gang membership: Characteristics of male gang and non-gang members from age 10 to 14.* *Social development* 11:53-68
- Dos Reis km (2007). *The Influence Of Gengsterism On The Morale Of Educators On The Cape Flats, Western Cape.* Masters In Education Dissertation And Social Sciences At The Cape Peninsula University Of Technology
- Karen Marion Dos Reis (2007) *The Influence Of Gangsterism On The Morale Of Educators On The Cape Flats, Western Cape: Cape Peninsula University Of Technology.*
- McMaster, L., (2007) 'Social and economic emasculation as contributing factors to gengsterism on the cape flats' *Scriptura* 95, 278-289.
- Prof Madya Dr Azizi Bin Hj Yahya, Rosnah Binti Hj Buang (2007). *Punca Berlakunya Masalah Gejala Gengsterisme Di Kalangan Remaja Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Di Empat Buah Negeri.* Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Lorraine M. Escribano (2010) *Exploring School Engagement As A Protective Factor For Youth At Risk Of Joining Gangs: Portland State University.*
- McMaster, L., (2010), 'In search of a family: The challenge of gangsterism to faith communities on the cape flats', PhD thesis, theology Faculty, University of Stellenbosch.
- Warta Kerajaan. PU/A272. 28hb Ogos 2013. Percetakan Nasional Berhad K.L

- Maphalala, M.C. & P.I., (2014) 'Gangsterism: Internal and external factors associated with school violence in selected Western Caps high schools', *Journal of Sociology and Sociology Anthropoogy* 5(1), 61-70 .
- Mncuba, V. & Madikizela-Madiya, N., (2014), 'Gangsterism as a cause of violence in south African schools: The case of six provinces', *Journal of Sociology and Social Anthropology* 5(1), 43-50.
- barnert, E. S., Perry, R., Azzi, V. F., Shetgiri, R., Ryan, G., Dudovitz, R., Zima, B., & Chung, P. (2015). Incarcerated youths' perspectives factors and risk factors for juvenile offending: A qualitative analysis. *American Journal Of Public Health*, 105, 1365-1371
- Fahilah Akmal et al., (2016). "Buli dan gengsterisme di sekolah" Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Selangor.
- Mohamad Khairi et al., (2017). Permasalahan Dan Cabaran Guru Dalam Membentuk Nilai Pelajar Di Sekolah Menengah, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. e-ISSN: 2289-8042